

PERATURAN PERTANDINGAN
PERTANDINGAN MERENTAS DESA
MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH LANGKAWI

1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Peraturan-Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) dan Peraturan Pertandingan Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Kedah (MSSK) serta ketetapan pihak penganjur/pengelola.

2. TARIKH PERTANDINGAN

Tarikh : 24 Januari 2026
Hari : SABTU
Jam : 7.45 pagi
Tempat : Stadium LADA, Langkawi.

3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan akan dijalankan secara individu dan berpasukan.

4. KATEGORI DAN JARAK LARIAN

KATEGORI	PERINGKAT UMUR	JARAK
A	Lelaki bawah 18 tahun	8 km
B	Perempuan bawah 18 tahun	6 km
C	Lelaki bawah 15 tahun	6 km
D	Perempuan bawah 15 tahun	6 km
E	Lelaki bawah 12 tahun	4 km
F	Perempuan bawah 12 tahun	4 km

5. PENDAFTARAN PESERTA

- 5.1 Semua peserta yang didaftarkan adalah warganegara Malaysia.
- 5.2 Pendaftaran peserta hendaklah merujuk kepada **Peraturan AM MSSM (Perkara 5)**.
- 5.3 Setiap sekolah dikehendaki mendaftar satu pasukan sahaja bagi setiap kategori pertandingan.
- 5.4 Kategori Lelaki bawah 18, Perempuan bawah 18, Lelaki bawah 15 dan Perempuan bawah 15 mempunyai 5 orang peserta. Peserta bawah 12 lelaki dan bawah 12 perempuan mempunyai 5 orang peserta.
- 5.5 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat pada borang pendaftaran rasmi yang disediakan dan disahkan oleh pengetua/guru besar sekolah masing-masing.
- 5.6 Borang penyertaan yang lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :
Jawatankuasa Pertandingan
Pertandingan Merentas Desa MSSD Langkawi 2026
d/a **SK Penghulu Ahmad (En. Mohd Shariff bin Abdullah)**
No. tel : 011-33448747
Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Januari 2026 (RABU) – Jam 12.00 Tengah malam.

6. PUNGUTAN MATA BAGI ACARA BERPASUKAN

- 6.1 Bagi kategori sekolah menengah, daripada 5 orang peserta yang bertanding hanya pencapaian terbaik 4 orang peserta yang menamatkan larian akan dikira bagi menentukan kedudukan pasukan. Bagi peserta sekolah rendah pencapaian 4 orang peserta yang menamatkan larian akan dikira bagi menentukan kedudukan pasukan.
- 6.2 Pasukan yang mendapat agregat terendah akan diisytiharkan sebagai pemenang.
- 6.3 Jika berlaku seri, kedudukan peserta tempat keempat terbaik akan diambil kira bagi menentukan pemenang.

7. PENENTUAN JOHAN KESELURUHAN

- 7.1 Johan keseluruhan adalah berdasarkan kepada jumlah agregat terendah yang dikumpul daripada empat kategori (sekolah menengah) dan dua kategori (sekolah rendah).


- 7.2 Sekiranya berlaku seri, pasukan mendapat johan berpasukan terbanyak akan dikira sebagai pemenang.
- 7.3 Jika masih seri, tempat kedua dan seterusnya akan diambil kira sebagai pemenang.

8. HADIAH

- 8.1 Bagi acara individu
Hadiah medal dan sijil akan diberi kepada pemenang tempat pertama hingga kelima belas, sijil sahaja akan diberi kepada pemenang tempat keenam belas hingga tempat kedua puluh bagi setiap kategori yang dipertandingkan.
- 8.2 Bagi acara berpasukan
Bagi setiap kategori : Piala pusingan untuk Johan sahaja.
- 8.3 Piala pusingan akan diberikan kepada pasukan yang menjadi johan Keseluruhan.

9. NOMBOR PESERTA

- 9.1 Setiap peserta hendaklah memakai sepasang nombor yang ditentukan oleh jawatakuasa pengelola. Nombor mestilah dipakai di depan dan di belakang serta disematkan dengan pin pada setiap penjujur kain.
- 9.2 Nombor peserta mestilah dipakai bersama dengan kain berwarna mengikut kategori dibahagian hadapan dan dipinkan.



Nombor peserta



Kain Warna

KATEGORI	WARNA
18L	HIJAU MUDA
18P	BIRU MUDA
15L	KUNING
15P	MERAH
12L	HIJAU TUA
12P	BIRU TUA

- 9.3 Nombor peserta disediakan oleh pasukan masing-masing. Nombor setiap pasukan adalah seperti berikut:

KOD	NOMBOR PASUKAN
SEKOLAH MENENGAH	
MA	SMK MAHSURI
MB	SMK TUNKU PUTRA
MC	SMK KEDAWANG
MD	SMK AYER HANGAT
ME	SM TEKNIK LANGKAWI
MF	MAKTAB RENDAH SAINS MARA
MG	SMK LANGKAWI, PULAU TUBA
MH	MAKTAB MAHMUD LANGKAWI
MK	SMK KELIBANG
ML	SM AGAMA BAQIYATUSSOLIHAT
SEKOLAH RENDAH	
RA	SK BAYAS
RB	SK EWA
RC	SK KEDAWANG
RD	SK KELIBANG
RE	SK KILIM
RF	SK KUALA TERIANG
RG	SK SERI LAGENDA
RH	SK LANGKAWI
RJ	SK LUBUK CHEMPEDAK
RK	SK NYIOR CHABANG
RL	SK PADANG MATSIRAT
RM	SK PENGHULU AHMAD
RN	SK PULAU TUBA
RP	SK SELAT BAGAN NYIOR
RQ	SK SERI NEGERI
RR	SK TEMOYONG
RS	SK ULU MELAKA
RT	SJK (C) CHUNG HWA
RU	SJK (C) MIN NAM
RV	SJK (T) LADANG SUNGAI RAYA
RW	SK SUNGAI MENGHULU
RX	SR ISLAM DARUL ULUM (SRIDU)

10. PAKAIAN

- 10.1 Peserta hendaklah memakai pakaian yang sesuai dan kemas serta berkasut ketika bertanding dan semasa majlis penyampaian hadiah.
- 10.2 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mestilah disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju lari masing-masing.

11. PEMBATALAN PESERTA

Peserta-peserta yang tidak lengkap tanda-tanda pengenalan atau pengesahan larian yang dinyatakan semasa taklimat akan dibatalkan penyertaan.

12. BANTAHAN

12.1 Segala masalah berkaitan dengan kelayakkan (status) seseorang peserta yang tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protest) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada MSSM kelak.

12.2 Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta merta dan tidak lewat daripada;

12.2.1 Lima belas (15) minit setelah Keputusan rasmi diumumkan

12.2.2 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertai dengan wang Pertaruhan Sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja)

13. HAK-HAK JAWATANKUASA

- 12.1 Jawatankuasa pengelola tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan harta benda peribadi peserta dan pegawai atau kemalangan semasa pertandingan.
- 12.2 Walau bagaimanapun, pihak pengelola tetap berusaha untuk

mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan peserta dan pegawai terjamin semasa pertandingan dijalankan.

14. HAL - HAL LAIN

- 14.2 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Individu yang tidak berkenaan **DILARANG** masuk ke tempat-tempat khas tersebut.
- 14.3 Selain daripada Pegawai-Pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, **TIDAK SESIAPAPUN DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN.**
- 14.4 Jawatankuasa tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota, kehilangan anggota badan/ harta benda / sebarang kecederaan lain berlaku :
- 14.4.1 Semasa perjalanan pergi dan balik dari penginapan ke tempat pertandingan.
 - 14.4.2 Semasa kejohanan dijalankan
 - 14.4.3 Di dalam dan di luar kawasan stadium/tempat pertandingan.
 - 14.4.4 Di tempat-tempat penginapan
 - 14.4.5 Walau bagaimanapun, pihak Pengelola Kejohanan akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan peserta dan pegawai terjamin setakat mana yang munasabah.

15. TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN DAN PEGAWAI KEJOHANAN

Taklimat akan diadakan pada:

Tarikh : 15 Januari 2026 (Khamis)

Jam : 2.30 petang

Tempat : PPD Langkawi.



ATURCARA KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSD LANGKAWI

&

MSS PENDIDIKAN KHAS LANGKAWI 2026

TEMPAT: STADIUM LADA LANGKAWI

TARIKH: 24 JANUARI 2026 (SABTU)

Masa	Perkara	Catatan
07.45 pagi	- Kehadiran peserta	
08.00 pagi	- Pendaftaran peserta	
08.20 Pagi	- Taklimat Kejohanan untuk semua peserta - Taklimat Pegawai Kejohanan - Pegawai kejohanan bergerak ke tempat bertugas	
08.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ● Peserta 18 L dilepaskan ● Peserta 19 L Pendidikan Khas dilepaskan 	8 km
08.35 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ● Peserta 15 L dilepaskan ● Peserta 15 L Pendidikan Khas dilepaskan 	6km
08.40 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ● Peserta 18 P dilepaskan ● Peserta 19 P Pendidikan Khas dilepaskan ● Peserta 15 P dilepaskan 	6km
08.45 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ● Peserta 12 L dilepaskan ● Peserta 12 L Pendidikan Khas dilepaskan 	4 km
08.50 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ● Peserta 12 P dilepaskan ● Peserta 15 P Pendidikan Khas dilepaskan ● Peserta 12 P Pendidikan Khas dilepaskan 	4 km
09.00 pagi	- Ketibaan peserta ke garisan penamat	
10.30 - 11.00 pagi	- Rehat dan pengiraan markah/keputusan	
11.00 pagi	- Peserta berkumpul di dewan	
11.20 pagi	- Majlis penyampaian hadiah oleh: <i>Tuan Pegawai Pendidikan Daerah Langkawi</i>	
12.00 tengah hari	- Bersurai	

Nota :

#akan terdapat perubahan jadual pada waktu pelepasan peserta

#akan diputuskan sebelum atau semasa taklimat bersama pengurus



KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSD LANGKAWI, TAHUN 2026

SEKOLAH :

KATEGORI :

BIL	NO. PESERTA	NAMA PESERTA	NO. KAD PENGENALAN	NAMA SEKOLAH	NO. DAFTAR SEKOLAH
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

- Sila isi semua maklumat di atas

.....
(Tandatangan Pengurus Pasukan)

.....
(Tandatangan PK kokurikulum)



KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSD LANGKAWI, TAHUN 2026

SEKOLAH :

KATEGORI :

BIL	NO. PESERTA	NAMA PESERTA	NO. KAD PENGENALAN	NAMA SEKOLAH	NO. DAFTAR SEKOLAH
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

- Sila isi semua maklumat di atas

.....
(Tandatangani Pengurus Pasukan)

.....
(Tandatangani PK kokurikulum)